



SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI PERKASA PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK, 50 PENERIMA RUMAH MESRA RAKYAT DI TERENGGANU TERIMA MANFAAT

TERENGGANU, 29 Jun 2026 – Seramai 50 penerima dari Parlimen Kuala Terengganu dan Parlimen Kuala Nerus menerima manfaat Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) menerusi penyerahan 30 kunci rumah yang telah siap dibina serta 20 surat tawaran pembinaan rumah baharu sempena Lawatan Kerja Yang Berbahagia Datuk Wira Dr. M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Ehsan, Felda Wilayah Timur, hari ini.

Program yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebagai agensi pelaksana RMR di bawah KPKT ini merupakan manifestasi komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan lebih ramai rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah yang memiliki tanah tetapi tidak mempunyai kediaman sempurna, berpeluang memiliki rumah yang selesa, selamat dan berkualiti.

Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Mohd Azmi bin Mohd Lila, Pengerusi SPNB; Yang Berusaha Tuan Ar. Haji Mohd Jamil bin Haji Idris, Ketua Pegawai Eksekutif SPNB; Yang Berbahagia Dato' Haji Rosli bin Latif, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Terengganu serta barisan pengurusan tertinggi KPKT dan SPNB.

Ketua Setiausaha KPKT, Yang Berbahagia Datuk Wira Dr. M. Noor Azman bin Taib berkata, Program RMR bukan sekadar menyediakan sebuah kediaman, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti hidup rakyat melalui pemilikan rumah yang selamat, selesa dan mampu dimiliki.

"Kerajaan MADANI akan terus memperkukuh pelaksanaan Program RMR agar lebih ramai rakyat dapat menikmati kediaman sendiri. Inisiatif ini bukan sahaja memenuhi keperluan asas tempat tinggal, malah menjadi pelaburan jangka panjang dalam membina kesejahteraan keluarga, memperkukuh komuniti dan meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

Di bawah Bajet 2026, Kerajaan MADANI menyasarkan pembinaan sebanyak 6,545 unit RMR di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 3,900 unit telah dilaksanakan, melibatkan 2,478 unit yang siap dibina dan diserahkan kepada penerima serta 1,422 unit yang sedang dalam pembinaan.

Bagi Negeri Terengganu, sebanyak 680 unit RMR sedang dilaksanakan dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM46.67 juta. Sehingga Mei 2026, 246 unit telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada pemohon yang layak, manakala 154 unit lagi kini berada dalam fasa pembinaan.

Di Parlimen Kuala Terengganu, sebanyak 34 unit RMR telah dilaksanakan, melibatkan 18 unit yang telah siap dibina dan 16 unit lagi sedang dalam pembinaan. Sementara itu, di Parlimen Kuala Nerus, sebanyak 32 unit RMR telah dilaksanakan, dengan 25 unit telah siap dibina dan 7 unit lagi berada dalam fasa pembinaan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2002, Program RMR telah memberi manfaat kepada lebih 80,000 keluarga di seluruh negara, sekali gus membantu meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penyediaan kediaman yang selesa, selamat dan berkualiti.

KPKT bersama SPNB akan terus memperkukuh kerjasama strategik bagi memastikan Program RMR dapat diperkasakan secara berterusan agar lebih ramai rakyat berpeluang memiliki kediaman sendiri, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancanganMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my